

## **Penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan di Melaka: Penilaian dari Perspektif Islam**

Mohd Anuar Ramli<sup>1</sup>  
Nik Rasyidah Mohamad<sup>2</sup>

### **ABSTRACT**

*Kajian ini membincangkan penilaian terhadap hukum penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan di Jasin Melaka. Objektif penubuhannya ada untuk memberi ruang kepada pelajar-pelajar yang hamil sama ada melalui luar pernikahan ataupun pernikahan yang sah peluang pendidikan peringkat menengah. Sehubungan itu, penilaian dibuat berdasarkan perspektif Islam sama ada penubuhannya selari dengan objektif syariah, mahupun bercanggah. Hasil kajian mendapati penubuhan sekolah ini dapat menyelamatkan bayi-bayi yang baru dilahirkan di samping mendapat memberikan peluang pendidikan kepada para ibu. Dengan itu, masa depan pelajar terbabit tidak terjejas dan mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat seterusnya dengan mudah.*

**Kata kunci:** *Rumah Harapan, pelajar hamil, perspektif Islam, objektif syariah, pendidikan menengah*

### **PENGENALAN**

Sejak kebelakangan ini, kemelut sosial yang melanda negara kita amat menyedihkan. Isu anak luar nikah, pembuangan bayi semakin hangat diperkatakan. Semakin hari pasti akan ada kejadian pembuangan bayi dilaporkan yang majoritinya adalah hasil dari perhubungan yang terlarang. Pelbagai langkah bagi menangani permasalahan ini giat dijalankan seperti kempen-kempen kesedaran seperti kempen Anda Bijak Jauhi Zina yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Selangor, namun ianya kurang memberi kesan malah statistik menunjukkan bahawa kadar pembuangan bayi menunjukkan trend peningkatan walaupun ada penurunan. Sejak dari 2005 sehingga 2009 statistik menunjukkan bahawa telah berlaku 396 kes dan separuh daripada individu terbabit yang melakukan pembuangan bayi mereka yang berusia bawah 18 tahun.<sup>3</sup> Pada 2010 pula statistik menunjukkan ianya meningkat kepada 91 kes berbanding 79 kes pada tahun 2009.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Pensyaran Kanan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

<sup>3</sup> Rohaniza Idris dan Umi Nadirah Abd Rahman, *Empat Lagi Kes Buang Bayi*, Berita Harian, 14 Ogos 2010.

<sup>4</sup> Statistik Pembuangan Bayi Seluruh Negara 2004-2010, (16 Januari 2012), <http://kaunselingsyarie.blogspot.com/2012/01/statistik-kes-pembuangan-bayi-seluruh.html>, diakses pada 5 Mei 2013.

Justeru itu, pihak kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi membendung permasalahan yang semakin menular itu. Salah satu daripadanya adalah dengan mewujudkan Sekolah Harapan Rumah Harapan (SHRH) yang bertempat di Jasin, Melaka. SHRH ini adalah merupakan sekolah yang dibina dan dibiayai oleh kerajaan negeri Melaka untuk menempatkan remaja bawah umur yang hamil. Ini adalah merupakan salah satu inisiatif Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam untuk mengurangkan kadar pembuangan bayi yang semakin berleluasa kini.

Sekolah Harapan Rumah Harapan ini terletak di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan ianya bertempat di bekas pejabat Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB) di Jasin. Sekolah Harapan ini boleh menempatkan maksimum seramai 40 orang pelajar pada sesuatu masa. Penubuhan sekolah harapan ini mengundang berbagai-bagai persepsi masyarakat. Terdapat golongan yang menerimanya dengan hati yang terbuka, namun ada juga golongan yang mengkritik penubuhan sekolah harapan tersebut. Justeru itu, kajian ini akan menilai penubuhan sekolah tersebut dari perspektif hukum Islam.

Di Malaysia, terdapat beberapa buah pusat perlindungan bagi wanita telah dibina yang mana kebanyakan daripadanya adalah di bawah pentadbiran badan bukan kerajaan (NGO). Dengan mengambil pendekatan dari negara Barat, maka tertubuhnya rumah-rumah atau pusat-pusat perlindungan bagi wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga serta golongan yang menjadi mangsa rogol, sumbang mahram, terlibat dengan masalah sosial dan sebagainya. Organisasi atau agensi tersebut menawarkan khidmat kaunseling mahupun perlindungan untuk golongan wanita tunggal atau remaja yang hamil. Antara organisasi tersebut adalah seperti Darul Saadah, Kem Modal Insan Kewaja<sup>5</sup>, Raudatus Sakinah, Baitul Islah Perhid Shah Alam, Darul Wardah, Rumah Kebajikan Perkid,<sup>6</sup> dan seumpamanya. Pusat perlindungan tersebut adalah bertujuan untuk menyelamatkan, melindungi, membimbing dan merawat remaja atau gadis yang mengalami masalah peribadi atau sosial akibat aktiviti kehidupan yang tidak bermoral mahupun mereka yang terjebak mangsa gejala sosial serta pergaulan bebas. Manakala Women's Aid Organization (WAO) atau Pertubuhan Pertolongan Wanita yang terletak di Petaling Jaya pula adalah merupakan pusat jagaan atau penempatan sementara bagi wanita-wanita yang teraniaya yang di antaranya terdiri daripada mangsa keganasan rumah tangga, mangsa rogol, mangsa dera dan sealiran dengannya. Begitu juga dengan Women's Centre for Change (WCC) di Pulau Pinang dan Good Shepherd Sisters (RGS) di Ipoh, Perak.<sup>7</sup>

Di Barat, terdapat banyak pusat perlindungan bagi wanita ditubuhkan, antaranya Good Shepherd Sisters (GSS)<sup>8</sup> yang mempunyai beberapa cawangan di serata dunia antaranya di Amerika Syarikat, Kanada, Singapura dan beberapa buah negara lagi.

Selain itu, mereka turut menubuhkan penempatan bagi golongan remaja yang hamil seperti Shifra Home<sup>9</sup> di Kanada. Lantaran dari itu, Malaysia turut mengambil pendekatan yang sama untuk mengurangkan kadar pembuangan bayi di Malaysia yang semakin hari semakin bertambah.

---

<sup>5</sup> <http://kewaja.blogspot.com/>.

<sup>6</sup> [http://www.mais.net.my/v4/index.php?view=article&catid=58%3Abahagian-pemulihan-ar-riqab&id=395%3Asenarai-pusat-perindungan-pemulihan-dan-rawatan-persendirian-di-negeri-selangor-&tmpl=component&print=1&page=&option=com\\_content&Itemid=73](http://www.mais.net.my/v4/index.php?view=article&catid=58%3Abahagian-pemulihan-ar-riqab&id=395%3Asenarai-pusat-perindungan-pemulihan-dan-rawatan-persendirian-di-negeri-selangor-&tmpl=component&print=1&page=&option=com_content&Itemid=73), diakses pada 5 Mei 2013.

<sup>7</sup> "Hamil dan Sendirian, Apakah Pilihan Saya", [http://wao.org.my/file/file/WAO%20SPW %20 BOOKLET%20 \(BM\)-web\(1\).pdf/](http://wao.org.my/file/file/WAO%20SPW%20BOOKLET%20(BM)-web(1).pdf/) diakses pada 10 Disember 2013.

<sup>8</sup> Sisters of the Good Shepherd Vocation in North America, <http://www.goodshepherdsisters.org/index.htm>, diakses pada 11 Mac 2013.

<sup>9</sup> <http://www.shifrahomes.com/index.htm>, diakses pada 11 Mac, 2013.

## SEJARAH PENUBUHAN

Seperti mana yang diketahui, pusat atau rumah perlindungan bagi wanita telah pun diwujudkan di Malaysia ini. Maka penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan bukanlah pusat perlindungan wanita pertama di Malaysia, dan penubuhan penempatan remaja hamil juga bukanlah yang pertama di dunia. Mungkin yang menjadi perbezaan antara Sekolah Harapan Rumah Harapan dengan pusat perlindungan sedia ada adalah dari segi pendidikan aliran kebangsaan, kelas bimbingan Pendidikan Islam dan juga Pendidikan Moral bagi yang bukan beragama Islam. Para penghuni dapat meneruskan sesi pembelajaran dan menduduki peperiksaan-peperiksaan utama. Mereka akan diajar subjek-subjek teras sama seperti remaja lain yang masih bersekolah.

Menurut Ketua Menteri Melaka, Y.A.B Dato' Seri Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam telah banyak seminar yang dilakukan bagi mengurangkan permasalahan sosial lebih-lebih lagi pembuangan bayi, namun ianya tidak menunjukkan kadar pengurangan. Maka Kerajaan Negeri Melaka menggalakkan golongan remaja berkahwin di usia muda bagi mengelakkan mereka berzina, malah pihak kerajaan negeri akan membantu dari pelbagai aspek termasuk dari segi kewangan dan bimbingan untuk menguruskan rumah tangga<sup>10</sup>. Setelah diselidik, adalah menjadi kesalahan sekiranya didapati pelajar yang masih bersekolah hamil<sup>11</sup>. Maka dari sebab itulah tertubuhnya Sekolah Harapan Rumah Harapan yang bertempat di Jasin ini sebagai salah satu inisiatif dari pihak kerajaan bagi mengurangkan kadar pembuangan bayi justeru menjadi tempat perlindungan bagi remaja hamil yang terdiri dari pelbagai latar belakang.

Pada tanggal 17 September 2010 Sekolah Harapan Rumah Harapan telah ditubuhkan. Sekolah tersebut beroperasi dari jam 8 pagi sehingga 4 petang di bangunan lama milik Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB). Sekolah tersebut berperanan sama seperti pusat perlindungan yang telah ditubuhkan sebelum ini, namun ianya dinamakan sekolah harapan kerana para pelajar diberi peluang untuk meneruskan pembelajaran mereka meskipun mereka dalam keadaan hamil. Jabatan Agama Islam Melaka berperanan sebagai pentadbir urus dan penyedia kemudahan Sekolah Harapan menerusi peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Melaka. Segala perbelanjaan dan peruntukan ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka.

## OBJEKTIF PENUBUHAN

Hasil daripada wawancara dengan Encik Rahimin Bani yang merupakan pegawai agama di Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka, yang juga merupakan pegawai agama yang menyelia Sekolah Harapan Rumah Harapan, beliau ada menyatakan beberapa objektif penubuhan sekolah tersebut. Antara objektif penubuhan sekolah tersebut adalah seperti berikut:

- i- Memberi perlindungan kepada remaja hamil yang tidak mendapat perhatian dari keluarga.
- ii- Mencegah keterlibatan remaja di dalam jenayah yang lebih besar.

---

<sup>10</sup> "Kahwin Muda atau Berzina". [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0808&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0808&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm), diakses pada 11 Mac, 2011.

<sup>11</sup> Enakmen 6 Tahun 1991 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991(1991), "Seksyen 54.Hamil di Luar Nikah", [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/a6f7884ec2dddc724825707d0029f0c9?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/a6f7884ec2dddc724825707d0029f0c9?OpenDocument), diakses pada 11 Mac 2011.

<sup>12</sup> Temubual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM. Beliau juga merupakan Timbalan Jawatankuasa Pengambilan Pelajar Sekolah Harapan, 28 Februari 2012, 10 am, di Jabatan Agama Islam Melaka.

- iii- Memberi perlindungan kepada remaja yang menjadi mangsa rogol dan sumbang mahram.
- iv- Mengurangkan kadar pembuangan bayi di negeri Melaka khususnya dan di negeri lain amnya.
- v- Memberi pendidikan agama dan moral kepada para remaja yang mengalami masalah sosial.

### **LOKASI DAN PRASARANA**

Sekolah yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) itu beroperasi di dua bangunan lama milik SAMB yang telah diubah suai menjadi sebuah sekolah berserta sebuah asrama. Ianya mempunyai empat kelas, sebuah bilik komputer, bilik mesyuarat serta pejabat pentadbiran. Dalam satu masa, ia dapat menempatkan 40 orang pelajar.<sup>13</sup>

### **MODUL PENDIDIKAN**

Sebagai pihak yang bertanggungjawab sebagai badan yang menyelia, Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) telah melantik beberapa guru Kelas Fardhu 'Ain (KAFA) yang bersesuaian dengan subjek tertentu sebagai pengisian pembelajaran. Modul pembelajaran adalah disesuaikan dengan peringkat umur dan kematangan pelajar serta menjurus kepada usaha meningkatkan aqidah dan moral<sup>14</sup>.

Para pelajar akan mengikuti kelas aliran kebangsaan iaitu mata pelajaran teras di sekolah seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Pendidikan Islam. Selain itu adanya kelas bimbingan Pendidikan Islam, dan juga Pendidikan Moral bagi pelajar bukan beragama Islam.

Selain itu juga, para pelajar didedahkan dengan beberapa kemahiran lain seperti kemahiran jahitan, kemahiran mengurus diri dan keluarga. Pada dasarnya kebanyakan modul adalah berbentuk motivasi dengan tujuan membentuk mereka menjadi insan yang berguna serta membawa mereka kembali ke pangkal jalan.

Bagi calon yang akan menduduki peperiksaan besar, seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), mereka akan diberikan pendidikan mengikut silibus pelajaran mereka seperti di sekolah biasa. Ini yang menyebabkan Sekolah Harapan sedikit berbeza dengan rumah perlindungan yang telah dibina di negara ini. Para pelajar diberi perlindungan dan diberi pendidikan yang sewajarnya. Bagi pelajar yang tidak menduduki peperiksaan, pendidikan yang berkonsepkan taubat akan diterapkan. Konsep taubat ini adalah merupakan salah satu modul asas yang amat mementingkan pendidikan agama. Pendidikan agama amat ditekankan melalui konsep taubat ini antaranya pelajaran ilmu aqidah dan asas fardhu ain.<sup>15</sup>

---

<sup>13</sup> Berita Harian, 18 September 2010.

<sup>14</sup> Temu bual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM.

<sup>15</sup> Temubual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM.

## PROSEDUR KEMASUKAN

Terdapat beberapa prosedur yang digariskan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) bagi membolehkan para pelajar mendiami pusat perlindungan tersebut. Mereka haruslah warganegara Malaysia dan berusia antara 13 hingga ke 18 tahun serta beragama Islam. Namun sejak dari penubuhan sekolah tersebut, terdapat seorang bangsa bukan Islam telah mendaftar masuk meskipun tahu sekolah tersebut ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).

Jawatankuasa pengambilan pelajar menggariskan bahawa mereka mendahulukan anak-anak negeri Melaka, namun jika sekiranya terdapat permohonan dari anak-anak negeri lain, ianya turut akan dipertimbangkan.

Para pemohon mestilah hamil di luar nikah, dan hamil tidak melebihi 6 bulan. Ini adalah bagi memastikan modul yang dijalankan berkesan di hati remaja tersebut dan mereka dapat mengaplikasikan segala ilmu yang telah dipelajari sepanjang berada di pusat perlindungan tersebut. Di samping itu juga, mereka perlulah di kalangan remaja yang hamil di luar nikah, sama ada disebabkan oleh mangsa keadaan seperti sumbang mahram, mangsa rogol, ataupun yang telah terlibat dalam masalah sosial. Namun mereka perlulah mendapat kelulusan sepenuhnya dari jawatankuasa kemasukan yang dipegang oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM). Mereka juga perlulah bebas dari sebarang penyakit berjangkit dan tidak pernah melakukan mana-mana jenayah.

## STATISTIK KEMASUKAN

Dari awal Januari 2012 sehingga 28 Februari 2012, seramai 24 orang pelajar yang masih mendiami rumah tersebut. Sejak tarikh sekolah ini dibuka, ianya telah menerima sebanyak 107 orang pelajar yang datang dari pelbagai negeri. Meskipun sekolah tersebut diseliakan oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) namun sekolah tersebut pernah menerima seorang pelajar yang berbangsa Cina. Ini merupakan satu tindak balas positif yang menunjukkan bahawa sekolah tersebut turut mendapat kepercayaan dari kaum yang bukan beragama Islam. Tempoh pelajar untuk berada dalam sekolah ini hanyalah tiga bulan selepas bersalin dan selepas itu mereka akan dikeluarkan dari sekolah tersebut untuk kembali ke pangkuan keluarga.

Jadual 1: Statistik bilangan pelajar mengikut negeri (sehingga Feb 2012)

Negeri	Jumlah
Melaka	6
Johor	9
Pahang	2
Selangor	5
Terengganu	1
Kedah	1
Jumlah	24

Sumber : Temubual bersama Tuan Rahimin Bani.

Rekod mencatatkan seramai 24 orang pelajar yang mendiami rumah tersebut yang datangnya dari pelbagai negeri. Antaranya ialah 6 orang pelajar dari Melaka, Johor 9 orang, Pahang 2 orang, Selangor 5 orang, Terengganu dan Kedah masing-masing 1 orang.

Jadual 2: Statistik bilangan bayi yang telah dilahirkan sejak awal penubuhan

Jantina	Bilangan
Lelaki	60
Perempuan	37
Jumlah	97

Sumber : Temubual bersama Tuan Rahimin Bani

Seramai 97 orang bayi telah dilahirkan, 60 orang lelaki dan 37 orang perempuan. Bayi-bayi itu kemudiannya diserahkan kepada keluarga pelajar tersebut. Ada di antaranya menyerahkan bayi mereka kepada keluarga angkat yang telah menerima tapisan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jadual 3: Statistik bilangan pelajar yang menduduki peperiksaan

Tahun	Jenis peperiksaan		
	Penilaian Menengah Rendah ( PMR )	Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM )	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia ( STPM )
2010	-	5	-
2011	2	13	1

Sumber : Temubual bersama Tuan Rahimin Bani<sup>16</sup>

Pada tahun 2010, seramai 5 orang pelajar menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), manakala pada tahun 2011 seramai 2 orang pelajar menduduki Penilaian Menengah Rendah (PMR), 13 orang menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dan seorang menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Bagi calon yang menduduki peperiksaan, mereka akan diajar subjek teras peperiksaan, manakala yang tidak terlibat dengan peperiksaan, mereka akan diberi penerapan ‘konsep taubat’<sup>17</sup> dan beberapa lagi kemahiran lain seperti kemahiran jahitan dan sebagainya.

Sekolah Harapan Rumah Harapan yang terletak di Jasin, Melaka ini bukanlah pusat penempatan yang pertama ditubuhkan di Malaysia bagi melindungi para remaja hamil. Ianya berfungsi sama seperti beberapa pusat jagaan bagi remaja atau wanita di bawah seliaan badan bukan kerajaan (NGO), namun ianya lebih efisien di mana para remaja hamil yang ditempatkan di sini masih dapat meneruskan sesi pembelajaran akademik di samping penerapan ‘konsep taubat’ kepada mereka. Ianya sebagai salah satu platform untuk mengurangkan kadar pembuangan bayi di samping melindungi dan membimbing para remaja yang bermasalah.

<sup>16</sup> Temu bual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM.

<sup>17</sup> Konsep taubat ialah proses di mana pelajar akan diberi penekanan di dalam aspek agama dan kerohanian agar mereka akan kembali mengikut landasan syariat Islam.

Dapat disimpulkan di sini, bagi remaja yang ingin mendiami Sekolah Harapan ini perlulah membuat permohonan terlebih dahulu melalui Jabatan Agama Islam Melaka. Terdapat beberapa kriteria yang melayakkan mereka untuk berada di sekolah tersebut. Ini bermakna mereka tidaklah sewenang-wenangnya diterima untuk berada di pusat tersebut. Sedikit sebanyak segala tanggapan negatif terhadap sekolah hamil ini dapat ditangkis bila mana remaja perlu mendapat kelulusan dari pihak JAIM terlebih dahulu. Maka tidak timbul isu bahawa pelajar yang pernah menghuni Sekolah Harapan Rumah Harapan ini akan menghuni di pusat tersebut untuk kali yang kedua.

Selain itu juga, remaja yang sudah keluar dari pusat tersebut tetap masih berada di dalam pantauan pihak JAIM. Pemantauan berterusan ini adalah perlu bagi mengetahui segala perkembangan, perubahan dan keberkesanan modul yang telah diajar semasa mereka berada di sekolah tersebut serta sebagai langkah untuk memastikan remaja tersebut tidak mengulangi kesilapan tersebut buat kali kedua.

Terdapat dua golongan remaja yang ditempatkan di sini iaitu remaja yang hamil dengan ikatan pernikahan yang sah<sup>18</sup> serta golongan remaja yang hamil luar nikah, sama ada mereka yang menjadi mangsa rogol, sumbang mahram mahupun yang terlibat dengan masalah sosial seperti terlanjur dengan pasangan kekasih. Justeru dapat disimpulkan, tidak semua yang mendiami pusat ini merupakan remaja yang hamil akibat daripada keterlanjuran dan terlibat dengan masalah sosial, kerana kebanyakan daripada penghuni di sini juga adalah mangsa jenayah.

### **PENUBUHAN SEKOLAH HARAPAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Secara dasarnya, segala yang berkaitan dengan manusia sama ada di dalam bidang muamalat, ibadat, mahupun munakahat ianya mestilah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Sebagai sumber utama di dalam pembinaan hukum Islam, tidak boleh tidak segala tindakan, perbuatan mahupun penghujahan mestilah bersumberkan dua sumber utama ini, di samping beberapa sumber sekunder yang bersesuaian.

Justeru itu, di dalam penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan ini, sama ada ianya bertepatan dengan syarak atau pun tidak, hendaklah bersumberkan kepada dua sumber di atas agar hukum kepada penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan tersebut tidaklah bercanggah dengan ayat-ayat Allah SWT.

Hakikatnya, tiada pendalilan yang jelas mengenai isu pusat penempatan bagi remaja hamil seperti Sekolah Harapan Rumah Harapan ini. Begitu juga di dalam kitab-kitab fiqh klasik ataupun kontemporari. Secara umumnya, tiada kata putus atau muktamad mengenai hukum penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan tersebut menurut perspektif Islam.

Penubuhan sekolah hamil ini menimbulkan pelbagai reaksi dan spekulasi di kalangan ahli akademik, orang awam dan masyarakat Islam. Apabila penubuhan sekolah ini diusulkan, terdapat segelintir pihak yang menerima dengan positif, namun tidak kurang juga ramai yang kurang bersetuju malah ada yang mengkritik penubuhan sekolah ini.

Menurut Asmak Ali, pusat jagaan bagi wanita yang hamil perlu ditubuhkan bagi melindungi dan membantu mereka. Beliau menegaskan bahawa dengan adanya pusat jagaan seperti Sekolah Harapan Rumah Harapan bayi-bayi yang tidak berdosa itu dapat diselamatkan serta remaja tersebut akan diberi didikan agama dan kaunseling agar kekosongan jiwa mereka dapat diisi.<sup>19</sup>

---

<sup>18</sup> Golongan remaja bawah umur yang bernikah dengan ikatan yang sah mengikut prosedur, iaitu bernikah dengan kebenaran mahkamah, namun memohon untuk menetap di Sekolah Harapan untuk mengelakkan tanggapan negatif masyarakat.

<sup>19</sup> Utusan Malaysia, "Sediakan Tempat Perlindungan Untuk Wanita Terlanjur", 13 Februari 2007.

Sementara itu, Mohamad Isa Abd Ralip<sup>20</sup> melihat penubuhan sekolah tersebut mempunyai fungsi yang tertentu seperti menyelamatkan nyawa bayi yang tidak berdosa serta membimbing remaja yang terlanjur. Namun ianya bukanlah langkah yang terbaik, kerana pada pendapat beliau, ‘mencegah lebih baik dari mengubati’. Dan di dalam keadaan ini, penubuhan sekolah hamil ini adalah merupakan langkah bagi mengubati bukannya mencegah.<sup>21</sup>

Sepertimana yang telah dijelaskan di atas, setiap perbuatan atau tindakan manusia akan berkait rapat dengan hukum. Dan asas utama kepada sesuatu hukum itu adalah bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah di samping terdapat beberapa lagi sumber verifikasi hukum seperti *al-ijma*, *al-qiyas*, *al-masalih mursalah*, *istihsan* dan sebagainya. Sehubungan itu, dalam menilai penubuhan sekolah hamil ini, ianya juga perlu ditentukan dengan sumber yang sah.

Secara asasnya, tiada nas sama ada dari al-Quran atau al-Sunnah yang menyuruh atau melarang secara jelas penubuhan sekolah bagi wanita yang hamil di luar nikah atau yang hamil melalui pernikahan yang sah. Namun begitu, perbuatan zina termasuk dalam kategori jenayah berat iaitu hudud yang diperuntukkan hukuman berat dalam Islam. Di dalam al-Quran Allah SWT menegaskan tentang suruhan menjaga kemaluan melainkan melalui akad pernikahan yang sah sahaja. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأُفْجَاهِهِمْ حَافِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ ﴿٦﴾ فَمَنْ آتَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya: *dan mereka yang menjaga kehormatannya (5), kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya maka Sesungguhnya mereka tidak tercela (6). Kemudian, sesiapa yang mengingini selain dari yang demikian, maka merekalah orang-orang yang melampaui batas;*

Selain suruhan untuk menjaga kemaluan, al-Quran turut menegaskan larangan dari mendekati zina. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَةَ إِنَّهُ كَانَ فَنِيحَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ﴿٣١﴾

Maksudnya: *dan janganlah kamu menghampiri zina, Sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*

Larangan ini diperuntukkan hukuman yang berat. Firman Allah SWT:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ

Maksudnya: *perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat*

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, jelas perbuatan zina atau kehamilan di luar nikah adalah satu perbuatan jenayah yang serius. Dewasa ini, gejala zina menjadi wabak dalam masyarakat Islam. Akibatnya lahir bayi luar nikah dan ada antaranya dibuang malah meninggal dunia.

<sup>20</sup> Beliau merupakan mantan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM).

<sup>21</sup> Berita Harian, “Sekolah Harapan Ubat Remaja Terlanjur”, 6 Oktober 2010.



Pembuangan bayi dan pembunuhan jiwa yang tidak berdosa ini adalah antara jenayah yang berat, iaitu qisas kerana melibatkan nyawa. Allah SWT menjanjikan azab neraka bagi pelaku jenayah tersebut. Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ

عَذَابًا عَظِيمًا ﴿١٧١﴾

Maksudnya: *Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, dan melaknatnya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar.*<sup>22</sup>

Ayat di atas menyatakan tentang hukum membunuh dengan sengaja mahupun tanpa sengaja yang mana sama seperti situasi pada hari ini, namun lebih menyedihkan lagi bilamana ianya dilakukan oleh ibu atau ayah kepada bayi berkenaan. Justeru, antara langkah pembendungan terhadap gejala pembuangan bayi tersebut, penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan dilakukan. Selain ingin menyelamatkan nyawa bayi terbabit, para ibu yang hamil dapat meneruskan pengajian peringkat menengah dengan selesa.

Dengan itu jelas bahawa tiada pendalilan secara *qat'ie* berhubung dengan penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan ini lantaran ianya adalah merupakan isu yang terkini. Namun terdapat beberapa lagi sumber hukum yang boleh dijadikan sandaran bagi keharusan penubuhan sekolah tersebut.

Hukum penubuhan sekolah ini boleh disabitkan dengan mengguna pakai beberapa sumber hukum yang lain. Berkaitan dengan penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan di Melaka ini, ianya juga berdasarkan ijtihad dan inisiatif pihak Jabatan Agama Islam Melaka bagi membendung gejala sosial yang sedang berleluasa kini. Antaranya adalah kaedah *sadd al-dhara'i'*.

*Sadd al-Dhara'i'* berasal daripada perkataan Arab. *Al-Dhara'i'* merupakan kata jamak daripada perkataan *al-Dhari'ah*. Dari sudut bahasa membawa maksud jalan atau perantaraan. Manakala *Sadd al-Dhara'i'* dari sudut bahasanya iaitu kiranya sesuatu perkara itu merupakan perantaraan kepada sesuatu yang ditegah, serta mengandungi kerosakan atau perkara yang diharamkan.<sup>23</sup>

Menurut syarak pula ianya membawa pengertian mencegah dan melarang terhadap sesuatu perkara yang boleh membawa tegahan disebabkan ada kerosakan.<sup>24</sup> Dengan kata yang lain, *Sadd al-Dhara'i'* adalah mencegah wasilah terhadap perkara yang harus hukum asalnya, namun boleh membawa kepada kerosakan. Sehubungan dengan itu, segala perbuatan yang boleh membawa ke arah *mafsadah* atau kerosakan, sama ada secara langsung atau pun tidak, ianya adalah dilarang di dalam syariat Islam.

Justeru itu, pengkaji melihat dalam penubuhan sekolah ini adalah bagi menutup *mafsadah* iaitu pembuangan bayi itu sendiri. Jika golongan remaja itu tidak diberi perlindungan, besar kemungkinan mereka akan melakukan tindakan atau pun jenayah yang lebih besar seperti membuang bayi atau membunuh diri. Di dalam konteks ini, terdapat *daruriah al-khams* yang perlu dijaga, iaitu *hifz al-nafs*.

<sup>22</sup> al-Nisa', 92-93.

<sup>23</sup> Muhammad Rawwas Qal'ahji, *Mu`jam Lughah al-Fuqaha'*. (Lubnan: Dar al-Nafa'is, 1996), 216.

<sup>24</sup> 'Uthman, Mahmud Hamid. *Qa'idah Sadd al-Dhara'i' wa Atharuha fi al-Fiqh al-Islami*. (Kaherah: Dar al-Hadith, 1996).

Sepertimana firman Allah SWT <sup>25</sup> :

وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ

Maksudnya: dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya

Dalam keadaan pada masa kini, penubuhan pusat perlindungan seperti ini adalah perlu bagi melindungi bayi yang tidak berdosa itu, di samping membantu remaja tersebut kembali ke pangkal jalan. Kebanyakan daripada mereka adalah golongan anak muda yang kurang mendapat perhatian daripada penjaga di samping tersilap langkah lantaran mengikut perilaku rakan sebaya mahupun didorong oleh naluri anak muda.

Selain kaedah *sadd al-dhara'i*, *masalih al-mursalah* turut dijadikan sandaran keharusan penubuhan rumah harapan ini. Perkataan *al-masalih* adalah jamak bagi *al-maslahah* yang mana ianya membawa maksud mencari manfaat dan menolak kemudaratan atau pun kerosakan. Manakala *al-Masalih al-Mursalah* menurut Abd al-Karim Zaidan, “sesuatu kemaslahatan mengenai hukum yang tidak disyariatkan oleh syarak, juga tidak ada dalil-dalil syarak yang menunjukkan ada atau tiada hukum tertentu”<sup>26</sup>.

Al-Maslahah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu al-Maslahah al-Mu'tabarah, al-Maslahah al-Mulghah dan al-Maslahah al-Mursalah.<sup>27</sup> Al-Maslahah al-Mu'tabarah adalah kepentingan yang wujud nas memperakunya, manakala al-Maslahah al-Mulghah adalah kepentingan yang tidak diambil kira dan al-Maslahah al-Mursalah yang mana ianya tidak terdapat dalil yang memperakui dan menegahnya. Dan al-Maslahah al-Mursalah inilah yang digunapakai dalam menangani sesuatu isu baharu yang tidak terdapat nas yang khusus untuk menyelesaikannya seperti hukum penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan.

Selain itu, masalah jika dilihat dari aspek keutamaan, ia dikategorikan kepada tiga kategori juga, iaitu pertama *al-Daruriyat* merupakan keperluan yang mana kehidupan agama dan dunia manusia bergantung kepadanya, jika sekiranya ia tidak ada, nescaya berlakulah kepincangan hidup manusia di dunia ini dan kehilangan nikmat yang abadi<sup>28</sup> serta mengalami keseksaan di akhirat kelak.

*Al-Daruriyat* yang asasi ini ada lima, iaitu agama, jiwa, akal, keturunan dan harta benda. Segala urusan agama dan kedudukan dibina atas masalah-masalah ini dan hanya dengan memeliharanya segala urusan individu dan masyarakat berjalan dengan baik.<sup>29</sup>

Para ulama' usul telah membuat ketetapan wujudnya tertib antara lima jenis masalah-masalah asasi tersebut, iaitu kepentingan agama diletak pada kelas pertama dan lebih utama dari kepentingan jiwa, sementara kepentingan jiwa mestilah diutamakan dari kepentingan akal, kepentingan akal mestilah diutamakan dari kepentingan keturunan dan kepentingan keturunan pula diutamakan dari kepentingan harta.<sup>30</sup>

Imam al-Ghazali menerangkan *masalah daruri* berdasarkan urutannya:

<sup>25</sup> Surah al-Baqarah : ayat 220.

<sup>26</sup> Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nasyirun), h. 237.

<sup>27</sup> `Abd Allah Bayyah, *Amali al-Dilalat wa Majali al-Ikhtilafat*, (Beirut: Dar al-Minhaj, 2007), h. 533 dan 534.

<sup>28</sup> Muhammad Mustafa Syalabi, *Ta' lil al-Ahkam*, c. 2, (Beirut : Dar al-Nahdah al-Arabiah, 1981), h. 282.

<sup>29</sup> Hasan Haji Ahmad, 'Maqasid Syari'yyah: Konsep Dan Pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum', Dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1999), hh. 63-64.

<sup>30</sup> Muhammad al-Said, *Buhuth Fi al-Adillah al-Mukhtalaf fiha 'Inda al-Usuliyin*, (Kairo: t.p., 1977), h. 98.

*Masalah yang lima ini memeliharanya terletak di tahap daruri. Iaitu yang paling kuat sifat kemaslahatannya. Contohnya, syarak menetapkan orang kafir yang menyesatkan orang lain dibunuh, demikian juga penganut bid'ah yang mengajak orang lain kepada bid'ahnya kerana ia merosakkan agamanya kepada masyarakat. Selain itu, syarak menetapkan wajib qisas terhadap pembunuhan untuk memelihara nyawa, mewajibkan hukuman had kepada orang yang meminum arak bagi menjaga akal kerana akal itu sendi pentaklifan, mewajibkan hukuman zina bagi menjaga keturunan dan wajib mendera pembongkar kuburan dan pencuri kerana dengannya terpelihara harta yang menjadi keperluan hidup manusia.<sup>31</sup>*

Islam menjaga perkara *daruriyat* dalam dua segi, pertamanya dengan mewujudkan dan melengkapkannya. Ia berlaku sama ada secara positif iaitu dengan penjagaan kewujudannya dan yang keduanya secara negatif iaitu pengawasan supaya tidak berlaku perkara yang menafikan kepentingan *daruriyat* tersebut.<sup>32</sup>

Memelihara keselamatan nyawa adalah lebih utama berbanding dengan memelihara keturunan. Meskipun begitu, tidaklah bermakna memelihara keturunan tidak penting. Di dalam permasalahan ini, apabila bertembung dua kemudahan, hendaklah dipilih yang lebih kurang mudaratnya. Maka, jika dilihat pada pandangan ini dan pada keadaan masa kini, adalah amat wajar sekolah hamil ini ditubuhkan. Bukan kerana ingin menggalakkan perzinaan, tetapi ianya sebagai salah satu langkah bagi mengubati permasalahan sosial di kalangan remaja kini di samping menghindar dari kemudahan yang lebih besar.

Begitu juga dengan pemakaian kaedah *siyasah syar'iyah*, iaitu polisi kerajaan. Menurut 'Abd al-Wahhab Khallaf, *siyasah syar'iyah* mengertikan kelonggaran bagi para pemerintah melakukan apa sahaja yang boleh membawa kebaikan selagi mana ianya tidak bertentangan dengan prinsip syariah walaupun tidak ada dalil-dalil khusus yang membolehkan ia dilakukan.<sup>33</sup>

Di dalam sesebuah negara, tidak dapat dinafikan bahawa pihak kerajaan mempunyai peranan yang amat penting dalam memastikan keharmonian dan kemakmuran di dalam negara mereka. Di dalam konteks ini juga, pengkaji melihat kerajaan memainkan peranan di mana mereka mengambil alternatif dengan mendirikan Sekolah Harapan Rumah Harapan ini bagi mengurangkan gejala pembuangan bayi dan keterciciran remaja dari alam persekolahan.

Justeru, meskipun terdapat tanggapan negatif mengenai penubuhan sekolah hamil ini namun pihak kerajaan Negeri Melaka dengan Jabatan Agama Islam Melaka mengambil langkah ini bagi mengelakkan golongan anak-anak remaja yang bermasalah ini terbiar tanpa pemeliharaan dan pemuliharaan.

Selain itu, terdapat beberapa kaedah fiqh boleh diaplikasikan dalam menetapkan hukum penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan tersebut.

Antara kaedah fiqh yang digunakan oleh penulis adalah kaedah :

الضَّرُّ يُدْفَعُ بِقَدْرِ الْإِمْكَانِ

Maksudnya: *Kemudaratannya dibendung semungkin yang dapat.*

<sup>31</sup> Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Ghazali, *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*, (Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, t.th.), h. 217.

<sup>32</sup> Muhammad Said al-Yubi, *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah Wa 'Alaqtuha Bi al-Adillah al-Syar'iyah*, (Riyadh : Dar al-Hijrah, 1998), h. 194-195.

<sup>33</sup> 'Abd al-Wahhab Khallaf, *al-Siyasah al-Syar'iyah*. ed. ke-3, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1984), h. 6.

Kaedah ini adalah kaedah cabang daripada kaedah :

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: *Tidak boleh memudaratkan dan tidak pula mendatangkan kemudaratkan*

Kaedah fiqh di atas menunjukkan bahawa terdapatnya kewajipan untuk menghindar dari sebarang kemudaratkan. Sehubungan dengan itu, sebarang langkah atau usaha perlu dilakukan untuk membendung kemudaratkan<sup>34</sup>. Di dalam konteks yang lain, kaedah ini adalah selaras dengan konsep *al-masalih al-mursalah* yang mana ianya tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menjaga kemaslahatan ummah.

Namun begitu, terdapat juga beberapa kelemahan di sebalik penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan. Dengan penubuhan sekolah hamil ini, ianya dilihat seolah-olah menggalakkan lagi berlakunya perzinaan di kalangan anak-anak muda. Mereka mengetahui tempat mana yang perlu mereka tuju sekiranya mereka hamil ketika masih di bangku sekolah. Ini bukanlah merupakan langkah yang bijak kerana saban hari di dada-dada akhbar masih banyak berlaku kejadian buang bayi, malahan ianya menunjukkan peningkatan dari hari ke hari.

Selain itu, jika dilihat kepada statistik kadar pembuangan bayi yang terkini, ianya tidak menunjukkan kadar penurunan malahan yang berlaku adalah sebaliknya. Semakin hari kadar pembuangan bayi adalah semakin meningkat.

Antara syarat yang dikenakan bagi melayakkan seseorang remaja yang hamil ini di sekolah terbabit adalah hamil dan tidak melebihi 6 bulan. Maka, berbaki 3 bulan lagi ketika mereka hamil serta 2 bulan selepas bersalin. Tempoh masa minima 5 bulan ini adalah suatu jangka masa yang singkat bagi memastikan remaja terbabit dapat menerima dan seterusnya mengaplikasikan segala modul yang telah mereka pelajari. Ianya tidak mustahil, namun pencapaiannya adalah sukar.

## PENUTUP

Secara dasarnya, penubuhan sekolah harapan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar pembuangan bayi di Malaysia. Tidak dinafikan ianya adalah demi menjaga *kemaslahatan* masyarakat di Malaysia. Penubuhan Sekolah Harapan Rumah Harapan ini adalah sebagai salah satu inisiatif pihak kerajaan bagi mengubati penyakit sosial yang kian menular di kalangan masyarakat Malaysia terutamanya yang beragama Islam.

Namun, diakui ianya bukanlah suatu langkah yang terbaik bagi membendung permasalahan sosial di kalangan para remaja kerana saban hari semakin banyak isu pembuangan bayi dilaporkan. Hal yang lebih utama adalah dengan membanteras dari akar umbinya, bukannya dari pucuknya. Ini kerana jika dicantas pucuknya, ianya tetap akan tumbuh. Maka pencegahan di peringkat akar adalah dengan penerapan pengamalan cara hidup Islam sepenuhnya, pelaksanaan hukum-hukum yang telah disyariatkan serta menutup pusat-pusat hiburan, rumah-rumah maksiat, rumah pelacuran dan sebagainya. Segala tindakan ini tidak akan berbuah hasil yang positif jika tiada campur tangan pihak berwajib dan kerjasama semua pihak. Begitu juga dengan pemeraksanaan sistem pendidikan agama sama ada

<sup>34</sup> Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman (2010), *al-Asybah wa al-Nadha'ir*, (terj) Abu Ezzat al-Mubarak, Johor Bahru:Perniagaan Jahabersa, h. 143.

di peringkat rendah dan menengah wajar dititikberatkan. Justeru itu, pelbagai pihak perlu bergandingan tangan bekerjasama bagi mengatasi masalah sosial dalam kalangan remaja, seterusnya gejala pembuangan bayi dapat diselesaikan secara tuntas.

## RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaydan, *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah Nasyirun), h. 237.
- Abd Allah Bayyah, *Amali al-Dilalat wa Majali al-Ikhtilafat*, (Beirut: Dar al-Minhaj, 2007), h. 533 dan 534.
- Abd al-Wahhab Khallaf, *al-Siyasah al-Syar'iyah*. ed. ke-3, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1984), h. 6.
- Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad Al-Ghazali, *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul*, (Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, t.th.), h. 217.
- Al-Suyuti, 'Abd al-Rahman (2010), *al-Asybah wa al-Nadha'ir*, (terj) Abu Ezzat al-Mubarak, Johor Bahru:Perniagaan Jahabersa, h. 143.
- Berita Harian, "Sekolah Harapan Ubati Remaja Terlanjur", 6 Oktober 2010.
- Berita Harian, 18 September 2010.
- Enakmen 6 Tahun 1991 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991(1991), "Seksyen 54.Hamil di Luar Nikah", [http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State\\_Enact\\_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/a6f7884ec2dddc724825707d0029f0c9?OpenDocument](http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen/State_Enact_Ori.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/a6f7884ec2dddc724825707d0029f0c9?OpenDocument), diakses pada 11 Mac 2011.
- "Hamil dan Sendirian, Apakah Pilihan Saya", [http://wao.org.my/file/file/WAO%20SPW %20BOOKLET%20 \(BM\)-web\(1\).pdf/](http://wao.org.my/file/file/WAO%20SPW%20BOOKLET%20(BM)-web(1).pdf) diakses pada 10 Disember 2013.
- Hasan Haji Ahmad, 'Maqasid Syari'yyah: Konsep dan Pengaruhnya dalam Pembentukan Hukum', Dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari (eds.), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, 1999), hh. 63-64.
- "Kahwin Muda atau Berzina". [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010 &dt=0808&pub=Utusan \\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0808&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm), diakses pada 11 Mac, 2011.
- Konsep taubat ialah proses di mana pelajar akan diberi penekanan di dalam aspek agama dan kerohanian agar mereka akan kembali mengikut landasan syariat Islam.
- Muhammad al-Said, *Buhuth Fi al-Adillah al-Mukhtalaf fiha 'Inda al-Usuliyin*, (Kairo: t.p., 1977), h. 98.
- Muhammad Mustafa Syalabi, *Ta'lil al-Ahkam*, c. 2, (Beirut : Dar al-Nahdah al-Arabiah, 1981), h. 282.
- Muhammad Rawwas Qal'ahji, *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. (Lubnan: Dar al-Nafa'is, 1996), 216.
- Muhammad Said al-Yubi, *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyyah Wa 'Alaqtuha Bi al-Adillah al-Syar'iyah*, (Riyadh : Dar al-Hijrah, 1998), h. 194-195.
- Rohaniza Idris dan Umi Nadirah Abd Rahman, *Empat Lagi Kes Buang Bayi*, Berita Harian, 14 Ogos 2010.
- Sisters of the Good Shepherd Vocation in North America, <http://www.goodshepherdsisters.org/index.htm>, diakses pada 11 Mac 2013.
- Statistik Pembuangan Bayi Seluruh Negara 2004-2010, ( 16 Januari 2012), <http://kaunselingsyarie.blogspot.com/2012/01/statistik-kes-pembuangan-bayi-seluruh.html>, diakses pada 5 Mei 2013.

Uthman, Mahmud Hamid. *Qa'idah Sadd al-Dhara'i' wa Atharuha fi al-Fiqh al-Islami*. (Kaherah: Dar al-Hadith, 1996).

Utusan Malaysia, "Sediakan Tempat Perlindungan Untuk Wanita Terlanjur", 13 Februari 2007.

### **Temubual**

Temu bual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM.

Temu bual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM.

Temubual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM.

Temubual bersama Tuan Rahimin Bani, Timbalan Pengarah JAIM. Beliau juga merupakan Timbalan Jawatankuasa Pengambilan Pelajar Sekolah Harapan, 28 Februari 2012, 10 am, di Jabatan Agama Islam Melaka.

### **Laman Sesawang**

<http://kewaja.blogspot.com/>.

[http://www.mais.net.my/v4/index.php?view=article&catid=58%3Abahagian-pemulihan-ar-riqab& id=395%3Asenarai-pusat-perlindungan-pemulihan-dan-rawatan-persendirian-di-negeri-selangor-&tmpl=component&print=1&page=&option=com\\_content&Itemid=73](http://www.mais.net.my/v4/index.php?view=article&catid=58%3Abahagian-pemulihan-ar-riqab& id=395%3Asenarai-pusat-perlindungan-pemulihan-dan-rawatan-persendirian-di-negeri-selangor-&tmpl=component&print=1&page=&option=com_content&Itemid=73), diakses pada 5 Mei 2013.

<http://www.shifrahomes.com/index.htm>, diakses pada 11 Mac, 2013.